

**ANALISIS KEPERLUAN PEMBINAAN MODUL LATIHAN  
GABUNGAN SUBJEK AKIDAH AKHLAK DI INDONESIA**

**\*Deny Indah Sari**  
**Rafiza Abd Razak**  
**Siti Hajar Halili**  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya  
*\*indahzulfa@gmail.com*

**Abstract:** The purpose of this study is to identify the specifications in research on module development. Needs analysis is carried out to ensure the product created can fulfil user needs. Teacher professionalism is an important component that can determine success professional. Competence professional there are several programs that can be done, one of them is by empowering blended training for Islamic education teachers. Blended training is an opportunity for teachers to be able to develop themselves and innovate in developing the quality of learning in the classroom. This study was aimed at developing a blended training module for the development of professionalism of Islamic teachers in Indonesia. Data from the needs analysis were collected through a questionnaire distributed to 100 Islamic teachers in middle school using purposive sampling. Findings from the closed questions were analyzed by percentage while the open-ended responses were subjected to thematic analysis. The results of the study can be described as follows: 1. A teacher in order to increase his professionalism must be understand, master and be skilled in using new learning resources; 2. There is a need to design a blended training module for the professional development of Islamic teachers in Indonesia; 3. This module is expected to enable Islamic teachers to teach the subject of moral beliefs online or offline.

**Keywords:** Profesionalism Islamic Teacher, Training and Learning, Secondary School, Moral

**PENGENALAN**

Perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi pada era globalisasi yang pesat melahirkan tantangan pada berbagai aspek kehidupan manusia tak terkecuali pada kehidupan sosial beragama dan pendidikan. Kondisi ini menuntut guru harus mampu berperan aktif dalam menampilkan nilai-nilai pengajaran yang lebih bermakna dan penuh penghayatan. Pembelajaran ditakrifkan sebagai komponen sains pendidikan yang berkaitan dengan hasil pembelajaran dan bahan rujukan interaksi, baik yang tersurat mahupun yang tersirat. Pendidikan di Indonesia menurut Undang-Undang Sistem Pendidikan Nasional No. 20 Tahun 2003 merupakan suatu usaha sadar dan terencana untuk mewujudkan suasana pengamalan dan peningkatan teknik agar murid secara aktif meningkatkan kemampuannya untuk memiliki intensiti psikologis keimanan, penguasaan diri, adab, intelek, adab yang terpuji, dan kepakaran apa yang diperlukannya (Syarnubi, 2019) dan tentunya membawa pelajar menjadi generasi anak bangsa yang berkualiti (Susandi, 2020). Guru merupakan suatu jabatan atau aspek kemampuan yang sering disebut sebagai pekerjaan yang pada hakikatnya merupakan profesi khusus yang menuntut persyaratan khusus dan eksklusif sehingga dapat menjamin dan memperoleh keyakinan mereka yang memerlukannya (Masdub 2018; Prasetya, Rofi, dan Setiawan 2018). Guru harus lebih proaktif dengan meningkatkan tanggungjawab sebagai seorang pendidik sedia ada (Abd Khalil Adnan, 2017).

Guru yang profesional adalah bererti mampu berperan dalam mendidik, memberikan pengajaran, melakukan upaya pembimbingan, memberi pengarahan, memberi pelatihan dan penilaian, serta mengevaluasi peserta didik dengan menggunakan berbagai keahlian dan kecakapan hidup yang memenuhi standar mutu atau norma tertentu (Sumardi, 2016). Guru profesional harus memiliki empat kompetensi yaitu: kompetensi kepribadian, kompetensi sosial, kompetensi pedagogik, dan kompetensi profesional. Keempat kompetensi tersebut tidak dapat berdiri sendiri, tetapi saling berkaitan dan bersinergi satu sama lain. Di samping profesionaliti guru, kemajuan dalam bidang pendidikan ini tentu akan melibatkan semua komponen pendukungnya baik siswa, sekolah, maupun pengurusan pengelolaan untuk meningkatkan kualitas guru secara optimal (Marlina, 2015).

Sejalan dengan yang di ungkapkan oleh Amirudin (2017) dalam penelitiannya menyatakan pada ruang lingkup teknologi pendidikan mengenai fungsi pengelolaan organisasi, bahwa fungsi dari pengelolaan organisasi memerlukan fungsi pengembangan dengan sumber belajar yang terdiri dari guru, material, metodologi, media dan lingkungan yang kondusif bagi siswa. Suatu kenyataan yang dihadapi dunia pendidikan khususnya guru agama Islam di jabatan pendidikan formal saat ini bahawa guru agama Islam

memiliki kompetensi dan kualifikasi yang heterogen sehingga berimplikasi cara kerja yang kurang maksimum sehingga belum dapat tercapainya tujuan pendidikan secara menyeluruh. Hal tersebut dapat dilihat dari kegiatan pembelajaran yang dilakukan oleh guru dan murid di dalam bilik darjah. Guru masih lemah dalam penguasaan aspek metodologi sehingga masih sering menggunakan metode dengan model konvensional yang memusatkan pembelajaran pada guru sehingga murid cenderung lebih pasif. Fasilitas media dan bahan ajar untuk subjek agama Islam juga masih sangat terbatas sehingga hal ini juga termasuk dalam beberapa aspek yang perlu ditingkatkan lagi (Nugraha, 2014).

## KAJIAN LITERATUR

Pendidikan merupakan salah satu aktiviti sosial yang amat penting dalam kehidupan manusia. Mengajar merupakan kebiasaan yang dilakukan oleh seorang guru dalam menjalankan tugasnya sebagai seorang pengajar. Proses pembelajaran berlaku apabila interaksi antara guru dan murid mahupun sebaliknya dihasilkan dengan mengubah tingkah laku dalam bentuk pengetahuan baharu, mengukuhkan wawasan dan pengalaman (James M Cooper, 2013). Pada tahun 2007 kerajaan, melalui Menteri Pendidikan Negara mengeluarkan Permendiknas nombor 16 tahun 2017 yang menyatakan bahawa seseorang guru mestilah mempunyai empat kompetensi iaitu kompetensi pedagogi, kompetensi personaliti, kompetensi profesional dan kompetensi sosial. Guru dalam menjalankan tugasnya mestilah mempunyai kompetensi profesional dan sikap yang hendak diajarkan kepada murid. Dari empat kompetensi tersebut, guru harus benar-benar mempersiapkan diri dalam menyampaikan bahan pembelajaran, mulai dari perancangan pengajaran (Penyediaan rancangan pengajaran, alat, model yang digunakan, lembaran kerja dan lain lain), pelaksanaan (perjalanan proses pembelajaran) dan refleksi (ilustrasi tentang semasa proses pembelajaran).

Pembangunan profesional merupakan pembelajaran guru, belajar cara belajar, dan mengubah pengetahuan dan amalan mereka untuk manfaat murid. Pembangunan profesionalisme keguruan pada dasarnya bukan sahaja disebabkan oleh tuntutan zaman, malah menjadi satu kemestian bagi setiap individu dalam rangka peningkatan kualiti hidup manusia pada masa hadapan (Beatrice Avalos, 2011). Ciri-ciri seseorang yang memiliki profesionalisme seperti memiliki mekanisme pemilihan yang standard supaya hanya mereka yang kompeten sahaja yang boleh menjalankan kerja atau profesion, masyarakat mengiktiraf perkhidmatan yang diberikan atas dasar memiliki pengetahuan dan kemahiran yang menyokong profesion, perlu ada proses pendidikan tertentu sebelum seseorang itu boleh atau mampu menjalankan tugas profesion, dan memiliki organisasi profesional untuk melindungi kepentingan ahlinya serta meningkatkan perkhidmatan kepada masyarakat. Pembangunan profesional guru dalam persekitaran pendidikan terarah kepada kualiti profesional, penilaian prestasi objektif, ketelusan dan akauntabiliti, serta motivasi untuk meningkatkan prestasi dan pencapaian (Erni Soewarni, 2004).

Guru profesional harus banyak membaca literatur-literatur untuk menambah pengetahuan yang berkaitan dengan pekerjaannya. Guru profesional tidak akan bekerja hanya kerana kepentingan peribadi tetapi akan senantiasa berusaha menanamkan sikap kuat, bijak dan hati-hati dalam pendekatan kepada murid, maka dari itu diperlukan kecekapan, motivasi dan berpikir (Zakiah Daradjat, 2006). Teori-teori yang dibangunkan dalam ilmu pendidikan merangkumi bahan objektif pendidikan, organisasi kurikulum, kandungan kurikulum dan modul pengembangan kurikulum untuk merealisasikan kurikulum yang selaras dengan objektif pembelajaran pendidikan agama Islam (Muliati, 2016). Semua subjek pelajaran pendidikan agama Islam tercakup dalam skop al-Quran dan Hadis, akidah, akhlak, dan Fiqh/Ibadah. Ia juga memberikan gambaran bahawa skop pendidikan agama Islam merangkumi terwujudnya keharmonian dan keseimbangan dalam hubungan manusia dengan Allah SWT, diri sendiri, sesama manusia, makhluk lain dan alam sekitar (Manuhung & Tenrigau, 2018; Bawa, 2020).

Kajian yang berkaitan dengan profesionalisme guru telah banyak dijalankan oleh para pengkaji dari luar dan juga dalam negara, antaranya iaitu kajian tinjauan yang telah dijalankan oleh Lokman Mohd Tahir dan Kalsom Saleh (2010) yang melibatkan seramai 156 peserta kajian di sekolah rendah zon Tiram di negeri Johor. Keputusan kajian tersebut menunjukkan min keseluruhan mengenai keperluan guru terhadap perkembangan profesionalisme adalah tinggi iaitu sebanyak 4.02. Menerusi kajian kuantitatif tersebut membuktikan guru amat memerlukan perkembangan profesionalisme bagi meningkatkan kompetensi mereka. Dengan kata lain, perkembangan profesionalisme dapat memberi mafaat yang cukup besar bagi memenuhi keperluan guru dalam peningkatan kaedah pengajaran dan pembelajaran (Villegas-Reimers & Elenora, 2003). Seterusnya, dapatan kajian turut selari dengan dapatan kajian oleh Zainilah Zawawi (2007). Kajian ke atas 105 juruteknik di Universiti Tun Husein Onn itu mendapati tahap keperluan kepada perkembangan profesionalisme berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini adalah berdasarkan nilai min yang tinggi bagi tahap keyakinan kerja, sikap terhadap kerja dan kemahiran berkomunikasi juruteknik. Malah, dalam aspek pengetahuan dalam prosedur perolehan turut mencatat peratusan

tertinggi. Hal ini, membuktikan bahawa keperluan terhadap perkembangan profesionalisme dalam meningkatkan prestasi kerja adalah sangat diperlukan.

Kajian profesionalisme dalam pendidikan Islam juga telah banyak yang dilakukan, diantaranya kajian oleh Ngalm (2018) dan Abdur Rahman Wahid, Benny Prasetya dan Heri (2021) menyatakan profesionalisme guru pendidikan agama Islam adalah amat penting kerana sebahagian daripada peningkatan kualiti pendidikan Islam dan meningkatkan kebolehan murid dalam pembelajaran agama Islam dan perkembangan kebolehan murid yang tertumpu kepada perubahan tindakan dan pengetahuan mengikut kemajuan masyarakat sedia ada serta pembangunan tersebut mestilah dapat medinamakan idea, inspirasi dan penyebaran terkini dengan pendekatan yang benar. Manakala kajian berkaitan dengan akidah akhlak juga telah dijalankan, antaranya kajian oleh Winda Susanti et. al (2022) dijalankan di salah satu sekolah menengah di Indonesia menyatakan aktiviti ekstra selain subjek akidah akhlak disekolah yang di laksanakan diluar jam belajar dapat membina adab anak murid. Selanjutnya kajian yang dijalankan di sekolah menengah daerah Aceh oleh Ema Sulastri (2021) menyatakan metode guru yang kurang kreatif dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran, fasilitas yang terhad menjadi hambatan dalam mencapai strategi pembelajaran akidah akhlak. Akhlak merupakan bahagian tabiat atau perbuatan yang jauh di dalam jiwa manusia yang mana perbuatan itu nampak dengan mudah dan mudah tanpa difikirkan, yang dilakukan berulang kali sehingga menjadi tabiat atau kebiasaan dan tingkah laku itu boleh membawa kepada tindakan yang positif atau tindakan negative yang tidak menguntungkan (Iskandar 2017; Harimulyo, Prasetya, and Muhammad 2021; Mujayyanah, Prasetya, and Khosiah 2021; Prasetya 2018a).

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti keperluan latihan gabungan perkembangan profesionalisme guru agama Islam di Indonesia. Pengkaji membahagi dapatan analisis keperluan dibincangkan mengikut tema-tema keperluan mempelajari pendidikan Islam pada subjek akidah akhlak secara latihan gabungan, keperluan modul latihan gabungan untuk guru agama Islam pada subjek akidah akhlak dan isu pendidikan Islam pada subjek akidah akhlak di sekolah.

## METODOLOGI

Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah tinjauan. Menurut Fauzi, Jamal dan Mohd Saifoul (2014), soal selidik sesuai digunakan untuk kawasan geografi yang luas, kadar celik huruf yang tinggi, dan responden boleh menggunakan masa yang sesuai untuk mengisi soal selidik. Cara ini akan memberi maklumat lebih baik kepada penyelidik. Oleh itu, dalam pengumpulan data, satu set instrumen soal selidik ditadbir dalam bentuk Google Form untuk diedarkan kepada responden. Kaedah ini menjimatkan masa dan tenaga, malah ia tidak terbatas oleh faktor geografi. Soalan kajian yang digunakan dalam kajian ini diadaptasi dan diubah suai daripada instrument Habibah (2005). Data bagi analisis keperluan ini dikumpul daripada soal selidik yang diedarkan kepada 100 orang guru agama Islam sebagai persampelan bertujuan dan dapatan daripada soalan tertutup dianalisis secara peratus manakala soalan terbuka dianalisis secara tematik.

### *Instrumen Kajian*

Dalam kajian ini soal selidik digunakan sebagai alat untuk tujuan mengumpul data. Menurut Chung dan Jamaludin Badusah (2010), terdapat beberapa kelebihan menggunakan soal selidik sebagai alat kajian, seperti arahan dan soalan-soalan yang dikemukakan dalam soal selidik adalah piawai dan seragam untuk semua sampel. Tambahan, jawapan atau maklumat yang diberikan oleh responden tidak dipengaruhi oleh pengkaji. Instrumen kajian ini terdiri daripada empat bahagian iaitu bahagian A: Latar belakang guru; bahagian B: Latar belakang profesionalisme guru; bahagian C: Keperluan latihan gabungan; bahagian D: Masalah yang dihadapi guru agama Islam.

### *Analisis Data*

Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 23. Statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis profil responden dan menganalisis soal selidik. Statistik deskriptif yang digunakan dalam kajian ini ialah kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Nilai min yang digunakan adalah untuk merumuskan tindak balas responden terhadap kenyataan-kenyataan yang diberi oleh pengkaji di dalam soal selidik. Pengkaji telah menggunakan jadual skor purata min dan interpretasi min dalam kajian ini daripada sumber Chew dan Zul Hazmi (2018) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

*Skor Purata dan Interpretasi Min*

Skor Purata Min	Tafsiran
1.00 – 1.89	Sangat Rendah
1.90 – 2.69	Rendah
2.70 – 3.49	Sederhana
3.50 – 4.29	Tinggi
4.30 – 5.00	Sangat Tinggi

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

*Latar belakang guru*

Bahagian A mengandungi maklumat latar belakang guru yang dapat dijelaskan dalam Jadual 2.

Jadual 2

*Latar belakang guru*

Profil Peserta Kajian		N	%
Jantina	Lelaki	63	63%
	Perempuan	37	37%
	<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100%</b>
Umur	21 hingga 30 tahun	20	20%
	31 hingga 40 tahun	15	15%
	41 hingga 50 tahun	42	42%
	50 tahun ke atas	23	23%
	<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100%</b>
Kelulusan Akademik	Degree	77	77%
	Master	23	23%
	Doktor	-	-
	<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100%</b>
Lama Berkhidmad	1 hingga 3 tahun	11	11%
	4 hingga 6 tahun	7	7%
	7 hingga 10 tahun	19	19%
	10 tahun keatas	63	63%
	<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100%</b>

Berdasarkan jadual 2, dapatan kajian mendapati peserta kajian menunjukkan seramai 63 orang atau 63% merupakan lelaki. Manakala, selebihnya seramai 37 orang (37%) terdiri daripada aspek jantina perempuan. Dari segi umur dapatan kajian telah menunjukkan seramai 20 orang (20%) daripada keseluruhan peserta berumur antara 21 hingga 30 tahun dan 15 orang (15%) berumur antara 31 tahun hingga 40 tahun. Seterusnya, umur 41 tahun hingga 50 menunjukkan seramai 42 orang (42%) dan selebihnya seramai 23 orang (23%) berumur 51 tahun dan ke atas. Selanjutnya, berkaitan kelulusan akademik dapatan kajian menunjukkan seramai 77 orang (77%) daripada keseluruhan peserta kajian adalah kelulusan degree. Manakala selebihnya seramai 23 orang (23%) merupakan kelulusan master. Seterusnya analisis data berkaitan dengan tempoh perkhidmatan dapatan menunjukkan seramai 11 orang (11%) antara 1 hingga 3 tahun, manakala seramai 7 orang (7%) berkhidmat antara 4 hingga 6 tahun. Selebihnya seramai 19 orang (19%) berkhidmat 7 hingga 10 tahun dan 63 orang (63%) berkhidmat melebihi 10 tahun.

*Latar belakang profesionalisme guru*

Bahagian B soal selidik terdapat pada Jadual 3 ini mempersembahkan hasil kajian meliputi dapatan kajian berkaitan mengikuti pelatihan dan berapa kali mengikuti pelatihan dalam satu tahun serta apa dampak dari mengikuti pelatihan profesionalisme guru agama Islam.

Jadual 3

*Latar Belakang Profesionalisme guru*

Latar Belakang Profesionalisme Peserta Kajian	N	%
Pernah mengikuti pelatihan	Ya	79
	Tidak	21
	<b>Jumlah</b>	<b>100</b>
Berapa kali mengikuti pelatihan dalam satu tahun	Tidak pernah	7
	Satu kali	53
	Dua kali	30
	Tiga kali	10
	<b>Jumlah</b>	<b>100</b>
Kesan mengikuti pelatihan	Sangat berkesan	77
	Sederhana	23
	<b>Jumlah</b>	<b>100</b>

Berdasarkan Jadual 3 dapatan kajian mendapati peserta kajian menunjukkan seramai 79 orang (79%) menyatakan pernah mengikuti pelatihan perkembangan profesionalisme guru agama Islam. Beberapa responden menjelaskan bahawa mereka melakukan pelatihan diantaranya pelatihan profesionalisme guru (cikgu 1, cikgu 64 dan cikgu 94), pelatihan media pembelajaran menggunakan aplikasi (cikgu 4, cikgu 17, cikgu 22, cikgu 33, cikgu 51 dan cikgu 90), program peningkatan kinerja guru, pelatihan kurikulum, musyawarah guru mata pelajaran (seluruh responden), kursus sertifikasi guru, kursus guru PAI, pembuatan modul unit aktiviti belajar mengajar, pelatihan pesantren kilat bagi guru agama Islam (cikgu 59), Pelatihan guru merdeka belajar (cikgu 80, cikgu 86), peningkatan profesionalisme guru agama pada masa pandemik Covid19 (cikgu 67, cikgu 74, cikgu 8, cikgu 91). Selanjutnya, seramai 53 orang (53%) menyatakan mengikuti pelatihan profesionalisme sebanyak satu kali dalam setahun. Manakala yang menunjukkan mengikuti pelatihan dua kali dalam setahun sebanyak 30 orang (30%). Seterusnya, sebanyak 10 orang (10%) menyatakan pernah mengikuti pelatihan sebanyak tiga kali dalam setahun. Dan berbaki 7 orang (7%) menyatakan belum pernah mengikuti pelatihan tentang profesionalisme guru agama Islam. Pada bahagian kesan pula, sebanyak 77 orang (77%) menyatakan bahawa pelaksanaan pelatihan profesionalisme guru agama Islam sangat berkesan kepada peningkatan profesionalisme guru. Manakala 23 orang (23%) menyatakan bahawa kesan yang ditimbulkan daripada pelatihan yang telah diadakan memiliki kesan sederhana sahaja.

*Keperluan mempelajari pendidikan Islam pada subjek akidah akhlak secara latihan gabungan*

Bahagian C mengandungi maklumat soal selidik mengenai keperluan mempelajari subjek pendidikan agama Islam secara latihan gabungan dapat dijelaskan dalam Jadual 4. Pada bahagian ini menjawab sub soalan kajian iaitu apakah pendidikan Islam pada subjek akidah akhlak secara latihan gabungan perlu untuk dipelajari oleh guru-guru agama Islam? Jawapan kepada sub soalan tersebut tertera dalam Jadual 4

Jadual 4

*Keperluan mempelajari pendidikan Islam secara latihan gabungan*

Aspek	Kekerapan/Peratusan				
Keperluan mempelajari pendidikan Islam pada subjek akidah akhlak secara latihan gabungan	1 (Sangat Tidak Setuju)	2 (Tidak Setuju)	3 (Agak Setuju)	4 (Setuju)	5 (Sangat Setuju)
Latihan gabungan perkembangan profesionalisme penting dilaksanakan oleh guru agama Islam pada subjek akidah akhlak	0	2	2	48	48
	0%	2%	2%	48%	48%
Latihan gabungan pada subjek akidah akhlak penting dipelajari oleh guru agama Islam dalam kurikulum latihan perguruan (PLPG)	0	0	3	52	45
	0%	0%	3%	52%	45%

Berdasarkan dapatan Jadual 4 telah menunjukkan bahawa subjek kajian tentang keperluan mempelajari pendidikan Islam pada subjek akidah akhlak secara latihan gabungan oleh guru-guru agama Islam di Indonesia sangat tinggi. Sebanyak 96% hasil data responden menunjukkan jawapan penting untuk melaksanakan latihan gabungan oleh

guru agama Islam pada subjek akidah akhlak. Manakala sebanyak 97% menyatakan bersetuju dan sangat setuju untuk mempelajari pendidikan Islam pada subjek akidah akhlak secara latihan gabungan di Indonesia. Sementara itu, terdapat empat responden yang menunjukkan jawapan tidak penting untuk dilaksanakan modul latihan gabungan tersebut dan terdapat tiga responden yang menyatakan tidak bersetuju dan agak setuju untuk mempelajari pendidikan Islam pada subjek akidah akhlak secara latihan gabungan. Ini bermakna majoriti responden menyatakan mempelajari pendidikan Islam pada subjek akidah akhlak secara latihan gabungan sangat perlu.

### *Keperluan modul latihan gabungan pada subjek akidah akhlak untuk guru agama Islam*

Pada bahagian ini menjawab sub soalan kajian iaitu apakah membangunkan modul latihan gabungan pada pendidikan agama Islam subjek akidah akhlak merupakan suatu keperluan? Jawapan kepada sub soalan tersebut tertera dalam Jadual 5.

Jadual 5

*Keperluan modul latihan gabungan pada subjek akidah akhlak untuk guru agama Islam*

Aspek	Kekerapan/Peratusan				
	1 (Sangat Tidak Setuju)	2 (Tidak Setuju)	3 (Agak Setuju)	4 (Setuju)	5 (Sangat Setuju)
Pembangunan modul latihan gabungan perkembangan profesionalisme guru agama Islam subjek akidah akhlak adalah perlu	0	2	9	41	48
	%	2%	9%	41%	48%
Pembangunan modul latihan gabungan perkembangan profesionalisme guru agama Islam membolehkan guru mengajar mata pelajaran akidah akhlak di sekolah kelak	0	5	10	45	40
	0%	5%	10%	45%	40%

### *Masalah yang dihadapi oleh guru agama Islam pada subjek akidah akhlak dalam latihan gabungan*

Bahagian D mengandungi maklumat daripada soalan terbuka yang dapat membantu pengkaji mendapatkan gambaran tentang kandungan pada subjek akidah akhlak. Dapatan ini juga membantu mendapatkan gambaran untuk mengetahui masalah mengenai profesionalisme guru agama Islam semasa mereka menjalani latihan. Pengkaji mendapati dua puluh responden kajian telah memberikan respon terhadap soalan terbuka berkaitan masalah yang dihadapi dalam isu profesionalisme guru agama Islam subjek akidah akhlak di sekolah menengah di Malang. Bagi mendapatkan jawapan, pengkaji telah mentranskripsi dan menganalisis jawapan responden kajian secara tematik serta mendapatkan jawapan mengikut tema-tema sebagai berikut:

- a) Ketauhidan
- b) Adab-adab
- c) Sifat-sifat terpuji
- d) Kisah-kisah Islam
- e) Akidah Islamiyah

**Ketauhidan.** Pada dapatan kajian menunjukkan ramai responden yang menyatakan bahawa aspek tauhid merupakan asas penting untuk memperkuat iman dan ini menjadi masalah kepada guru-guru agama Islam untuk memberikan pengajaran yang sesuai di sekolah masing-masing. Masalah-masalah tersebut termasuk tidak mengetahui dan memahami makna sebenar tauhid dan secara tidak sadar telah melakukan perbuatan syirik. Responden kajian yang telah menyentuh mengenai tauhid adalah seperti berikut:

*Agama dan keseharian memang Islam, tetapi diusia seperti mereka sangat memerlukan tauladan bagaimana bertauhid yang benar tanpa syirik dan juga perbanyak contoh-contoh tentang ketauhidan (cikgu Ahmad).*

*Tauhid asas dan penting untuk dipelajari semua umat Islam, akan tetapi dengan kondisi kemajuan teknologi ini semakin memberikan cabaran terutama bagi kita-kita guru agama ini bagaimana dapat*

*memberikan pengajaran yang dapat dihubungkan antara tauhid dengan kemajuan teknologi (cikgu Mahmudah).*

*Bagaimana ya, terkadang murid-murid masih ada sedikit kesulitan untuk membezakan tauhid yang betul dan percampuran kerana adat istiadat, sehingga dapat masuk kategori syirik kecil, jadi seboleh mungkin menjauhkan dari perbuatan syirik meskipun kecil (cikgu Eko).*

Justeru, adalah diharapkan bahawa modul latihan gabungan ini boleh merangkumi aspek ketauhidan bagi usaha meningkatkan perkembangan profesionalisme guru agama Islam di sekolah menengah.

**Adab-Adab.** Dapatan kajian pada soalan terbuka yang telah dijawab mendapati bahawa guru agama menghadapi juga masalah mengenai isu pada pendidikan Islam ini tentang kurangnya ilmu pengetahuan dan penerapan nilai-nilai adab dalam keseharian pelajar. Luahan dan masukan responden dinyatakan seperti berikut:

*Usia murid-murid menengah ini masa remaja, pelbagai perilaku ada. Cikgu kat sekolah bukan hanya sahaja mengajar pelajaran dan mentransfer ilmu tetapi juga menjaga dan memerhati perilaku-perilaku pelajar agar ianya tetap terjaga jangan sampai terjadi menurunnya nilai-nilai adab dalam kalangan pelajar baik kepada ibu bapa dan guru (cikgu Tia).*

*Menjaga nilai-nilai adab murid di masa teknologi yang canggih ini sangat mencabar, adanya peningkatan teknologi yang tidak diseimbangkan dengan penerapan nilai-nilai adab yang baik (cikgu Dani).*

*Disekolah selalu diajarkan nilai-nilai adab hormat kepada guru seperti menghormati ibu bapa, tetapi ianya terpulang juga kepada individu pelajar itu sendiri apakah dilakukan atau dipraktikkan juga dirumah (cikgu Maryam).*

*Pergaulan dan lingkungan juga memiliki pengaruh di usia pertumbuhan atau remaja sedikit banyak dapat memberikan pengaruh kepada sikap dan sifat pelajar (cikgu Badar/ interview/ 10-12/ July 20, 2020).*

Seterusnya, pembangunan modul latihan gabungan ini harus dapat memberi ilmu pengetahuan tentang perkembangan profesionalisme kepada guru-guru agama Islam terutamanya pada subjek akidah akhlak di sekolah menengah di Malang Indonesia.

**Sifat-Sifat Terpuji.** Pengkaji mendapati hasil kajian terdapat beberapa responden yang menyatakan bahawa penanaman sifat-sifat terpuji menjajasi isu sebuah tantangan bagi guru-guru agama Islam di Indonesia. Hasil ini dinyatakan oleh responden seperti berikut:

*Cikgu di sekolah ini sebenarnya banyak sangat tugas dan tanggung jawab, tetapi menjadi cikgu yang berdedikasi dan profesional kenalah lebihkan tanggung jawab dan juga lebih tingkatkan keteladanan untuk murid disekolah (cikgu Amir).*

*Keteladanan dan sifat yang baik kena jaga dan jadikan tauladan pelajar disekolah, tetapi ada waktunya cikgu pula akan hilang sabar atas tindakan anak-anak murid (cikgu Anshori).*

Oleh yang demikian tema sifat-sifat terpuji dapat menjadi pertimbangan sebagai kandungan modul latihan gabungan perkembangan profesionalisme guru agama Islam pada subjek akidah akhlak sekolah menengah di Malang Indonesia.

**Kisah-Kisah Islam.** Responden kajian juga ada menyatakan isu kisah-kisah Islam sebagai masalah kepada guru-guru agama Islam untuk meningkatkan kemahiran dalam penyampaian dan pengajaran kepada pelajar di sekolah menengah di Malang. Pernyataan responden kajian tersebut seperti berikut:

*Ini jamannya semua senang nak dapat informasi dari internet, cabaran buat para cikgu dalam mengajar kat sekolah biar murid-murid seronok belajar. Dengan kemudahan tersebut jadi ada kebimbangan pelajar akan sedikit demi sedikit melupakan kisah-kisah Islami kerana dah merasa senang nak cari (cikgu Balqis).*

Justeru, tema kisah-kisah Islam juga dapat diambil kira dalam pembangunan modul latihan gabungan perkembangan profesionalisme guru agama Islam pada subjek akidah akhlak di sekolah menengah.

**Akidah Islamiyah.** Begitu juga dengan hasil dapatan kajian tema isu akidah Islamiyah diperolehi seorang responden kajian yang menyatakan masalah dalam penerapan akidah Islamiyah di sekolah sebagai berikut:

*Sebenarnya banyak juga faktor yang mempengaruhi pelajar jadi berkurang minat belajar yang menyebabkan penurunan nilai akademik mereka. Yang lagi dirisaukan apabila terjadi penurunan nilai akidah kepada murid-murid ini (cikgu Muhammad).*

Oleh yang demikian tema akidah Islamiyah ini juga dapat menjadi pertimbangan sebagai kandungan modul latihan gabungan perkembangan profesionalisme guru agama Islam di Indonesia

**Kepentingan membangunkan modul latihan gabungan perkembangan profesionalisme untuk guru agama Islam.** Seramai dua puluh responden kajian telah memberikan respon dan menjawab soal selidik terhadap soalan terbuka ini. Pengkaji telah menganalisis data secara tematik untuk menjawab sub soalan kajian ini. Tema-tema telah dibuat untuk mengetahui kepentingan membangunkan modul Latihan gabungan perkembangan profesionalisme guru agama Islam pada subjek akidah akhlak seperti berikut:

**Akidah dan Tauhid.** Faktor akidah dan tauhid merupakan dua hal yang paling kerap disebutkan sebagai kepentingan yang utama untuk membangunkan modul latihan gabungan perkembangan profesionalisme guru agama Islam ini. Responden kajian bersetuju untuk dibangunkan modul ini kerana:

*Modul itukan berisi ilmu pengetahuan dan juga panduan untuk melakukan pengajaran dan pembelajaran disekolah, jadi dengan diberikan modul yang baru mungkin ada yang berbeza dan dapat meningkatkan lagi ketakwaan lebih kuat dimasa-masa keadaan seperti ini terutamanya untuk perkembangan remaja juga untuk memberikan penguatan akidah dan tauhid mereka (cikgu Ida).*

Faktor akidah dan tauhid turut diberikan jawapan oleh responden kajian yang lain sebagai aspek yang penting untuk lebih diperkuat lagi oleh guru agama Islam. Responden kajian memberikan sebab seperti berikut:

*Asas kekuatan iman seseorang iaitu adanya tauhid dan akidah dalam dirinya, sehingga semakin kuat seseorang dalam ketauhidan dan akidah yang kuat, maka dapat, memiliki kekuatan jiwa untuk mendidik pelajar lebih berdedikasi (cikgu Imam).*

Responden kajian juga menyatakan bahawa modul latihan gabungan perkembangan profesionalisme guru agama Islam pada subjek akidah akhlak ini penting kerana guru agama perlu ilmu agama untuk lebih meningkatkan pembelajaran kepada murid-murid tentang akidah dan tauhid. Ianya dinyatakan sebagai berikut:

*Pembelajaran sememangnya dapat dilaksanakan dimana saja dan kapan saja, tetapi belajar ilmu akidah akhlak ini juga untuk meningkatkan nilai-nilai keimanan tentang kepentingan aspek ketauhidan dan akidah (cikgu Anisa).*

**Adab.** Beberapa responden kajian memberikan pandangan tentang kepentingan membangunkan modul latihan gabungan berkaitan dengan aspek adab-adab yang menyatakan bahawa:

*Sekarang inikan semua serba canggih, bahkan boleh jadi murid-murid banyak yang sudah lebih pandai dari pengajarnya disekolah. Kerana itu, pengajar pun sekarang dituntut untuk celik teknologi dan dapat memberikan pembelajaran secara langsung maupun dengan contoh-contoh melalui penggunaan media atau video (cikgu Anshori).*

Pernyataan mendukung juga disampaikan oleh responden kajian yang lain iaitu ilmu agama yang pengajar sampaikan dan terapkan kepada murid-murid dapat menjadikan mereka lebih memiliki nilai sifat dan adab yang lebih baik. Pernyataan beliau seperti berikut:

*Pembelajaran tentang pendidikan agama perlu diterapkan kepada murid-murid sejak dari sekolah rendah lagi hingga dewasa, terlebih lagi penting untuk diterapkan dalam masa perkembangan menuju remaja seperti usia-usia remaja pada tingkatan sekolah menengah (cikgu Badar).*

Selanjutnya, pernyataan yang lain dari responden kajian menyatakan hal yang lebih fokus terhadap kepentingan sifat mulia dan adab terpuji yang merupakan komponen dalam membantu membentuk karakter murid disekolah



mahupun di rumah dan lingkungan persekitaran serta guru selalu menjadi suri tauladan dalam amalan keseharian yang baik. Responden kajian menyatakan seperti berikut:

*Cikgu mengajar agama ini tidak dapat terlepas dari subjek akidah akhlak, kerana tidak dapat dielakkan ada diantara guru-guru agama yang masih memiliki ilmu agama yang belum terlalu kuat, sehingga mungkin modul latihan gabungan perkembangan profesionalisme guru pada subjek akidah akhlak ini akan dapat memberikan kesan yang positif baik kepada guru terlebih kepada murid-murid (cikgu Anis).*

**Kisah atau sejarah Islam.** Kepentingan sejarah Islam ataupun kisah-kisah Islam dimasukkan dalam pembangunan modul ini dapat menjadi rujukan kepada guru-guru agama Islam. Pandangan ini telah dinyatakan oleh responden kajian sebagai berikut:

*Ilmu pengetahuan juga tentang kisah-kisah sejarah Islam yang mungkin ianya telah banyak juga dah terlupakan oleh murid-murid. Dengan adanya modul ini diharapkan dapat digunakan sebagai rujukan kepada guru-guru agama Islam, lebih-lebih lagi bagi guru-guru baru (cikgu Maisarah).*

Pernyataan yang hampir serupa juga disampaikan oleh responden kajian yang lain yang juga menekankan tentang pentingnya penyampaian kisah-kisah Islam atau sejarah-sejarah Islam yang seharusnya dapat dikuasai oleh guru:

*Murid-murid sekolah menengah masih kekurangan dalam memahami kisah-kisah dan sejarah Islam. Bahkan, guru-guru pendidikan Islam sendiri masih kurang memiliki keahlian dalam menguasai kisah-kisah dan sejarah Islam, sehingga penting untuk dimasukkan dalam modul ini (cikgu Umi).  
guru agama Islam digalakkan mengenali dan memahami masalah kisah-kisah dan sejarah Islam, terutama dalam kisah-kisah nabi dan Rasul untuk memberikan pemahaman kepada murid-murid (cikgu Rusdi).  
Dengan panduan yang diberikan nantinya akan dapat membantu guru agama memberikan pemahaman tentang kisah dan sejarah Islam kepada murid-murid dengan lebih berkesan lagi (cikgu Nurul).*


**Akhlak.** Guru agama Islam merupakan tauladan bagi murid-murid di sekolah. Selain daripada keilmuan agama yang harus dikuasai, guru agama juga diharapkan memiliki akhlak yang baik sebagai contoh atau figur ibu bapa di sekolah. Pandangan responden kajian telah menyatakan sebagai berikut:

*akhlak merupakan dasar dalam berperilaku dan membentuk karakter adab bagi murid-murid terutama dimasa perkembangan. Guru agama dapat mengalikasikan dan memberikan tauladan yang baik bagi membantu murid-murid untuk lebih memahami serta mementingkan akhlak dalam bersosialisasi (cikgu Hidayah/ interview/ 05-10/ July 15, 2020).*

Manakala responden kajian yang lain memberikan pendapat:

*Selain daripada sokongan contoh terbaik dari cikgu disekolah, diperlukan juga panduan untuk dapat membantu murid-murid memahami dan membentuk akhlak yang baik, serta dapat menghindari akhlak yang tidak terpuji (cikgu Rita/ interview/ 07-09/ July 20, 2020).*

Pada kesimpulannya, guru agama Islam menyatakan bahawa modul latihan gabungan perkembangan profesionalisme penting untuk dibangunkan pada subjek akidah akhlak yang meliputi akidah dan tauhid, adab, kisah atau sejarah Islam serta akhlak. Pada rajah 1 berikut dijelaskan tentang fasa analisis keperluan secara keseluruhan.



Rajah 1. Analisis keperluan secara keseluruhan

## KESIMPULAN

Perkembangan profesionalisme amat diperlukan bagi meningkatkan kualiti guru agama Islam di Indonesia. Hasil dapatan kajian pada fasa satu dapat dirumuskan bahawa latihan gabungan perkembangan profesionalisme guru agama Islam di Indonesia amat diperlukan. Hal ini membuktikan keperluan profesionalisme yang telah dikenal pasti ini kemudian dicadangkan untuk menjadi elemen dalam modul latihan gabungan perkembangan profesionalisme guru agama Islam di Indonesia yang menjadi fokus kajian ini. Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa seorang guru untuk meningkatkan profesionalismenya mestilah memahami, menguasai dan berkemahiran menggunakan sumber pembelajaran baharu sehingga wujud keperluan untuk mereka bentuk modul latihan gabungan perkembangan profesionalisme guru agama Islam di Indonesia. Modul ini diharapkan dapat membolehkan guru agama Islam mengajar mata pelajaran akidah akhlak semasa online mahupun secara offline. Responden menyatakan kepentingan mata pelajaran akidah akhlak untuk dipelajari oleh murid sekolah menengah dan dapat dijadikan sebagai modul kursus dalam latihan perguruan bagi guru agama Islam. Guru agama Islam menghadapi beberapa isu tentang pembelajaran akidah akhlak disekolah menengah. Diantara permasalahan mengenai pembelajaran akidah akhlak menjadi isu untuk dihadapi oleh guru-guru agama Islam adalah berkaitan dengan akidah, tauhid, adab, akhlak, kisah-kisah dan sejarah Islam yang sesuai untuk murid sekolah menengah.

Manakala pengkaji juga memperoleh hasil dapatan pada pembelajaran akidah akhlak yang menjadi masalah untuk dihadapi oleh guru agama Islam semasa di sekolah turut menjadi aspek yang diharapkan boleh dimasukkan dalam pembangunan modul latihan gabungan ini. Seterusnya, pengkaji mencadangkan tema-tema akidah akhlak yang lain menjadi bahan pembelajaran dalam modul ini kelak seperti akhlak atau adab mazmumah, syirik dan kisah para nabi dan Rasul dapat juga diambil kira sebagai bahan pembelajaran modul latihan gabungan perkembangan profesionalisme guru agama Islam pada subjek akidah akhlak di Indonesia. Akhirnya, pengkaji berharap agar masalah-masalah yang dihadapi oleh guru agama Islam dapat cuba diatasi melalui pembangunan modul latihan gabungan ini. Dapatan analisis keperluan ini akan digunakan pengkaji sebagai panduan untuk mereka bentuk dan membangunkan modul dalam fasa pembangunan modul yang seterusnya.

## RUJUKAN

- Abdur, Rahman Wahid; Benny, Prasetya; Heri, Rifhan Halili. 2021. "Peran Guru Madrasah Diniyah Dalam Meningkatkan Kemampuan Membaca Al- Qur'an." *JURNAL Pendidikan Dasar dan Keguruan* 6(2): 41–46.
- Alvalos, B. (2011). Teacher professional development in teaching and teacher education over ten years. *Teaching and Teacher Education*, 27 (1), 10-20.
- Amirudin, M. 2017. *Manajemen Musyawarah Guru Mata Pelajaran (MGMP) dalam Peningkatan Kompetensi Guru Akidah Akhlak MTsN Klaten di Gergunung Klaten Utara Kabupaten Klaten Tahun 2017*. IAIN Surakarta.
- Bawa, D. L. (2020). Pengaruh Kualifikasi Akademik Dosen Terhadap Mutu Pembelajaran Pendidikan Agama Islam (Telaah Hasil Penelitian dan Kajian Tindak Lanjut). *JIE (Journal of Islamic Education)*, 5(1), 78-88.
- Beatrice Avalos, "Teacher Professional Development in Teaching and Teacher Education over Ten Years," *Teaching and Teacher Education* 27, no. 1 (Januari 2011): 10–20, <https://doi.org/10.1016/j.tate.2010.08.007>.
- Chew, F. P. & Zul Hazmi Hamad. 2018. Kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Melayu melalui teknik penyoalan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8 (1), 2018, pp. 1-12.
- Chung, M.H.C. & Jamaludin Badusah. (2010). Sikap Guru Bahasa Melayu terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pengajaran di Sekolah-sekolah Rendah di Bintulu, Sarawak. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(1),59-65.
- Erni Soewarni, *Kebijakan Pedoman Pengembangan Profesi* (Jakarta: Rajawali Press, 2004).
- Fauzi Hussin, Jamal Ali & Mohd Saifoul Zamzuri Noor. (2014). *Kaedah Penyelidikan & Analisis Data SPSS*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Habibah @ Artini Ramlie. (2005). *Persepsi guru terhadap amalan pembelajaran koperatif di sekolah-sekolah kawasan Zon Bandar, Kudat, Sabah* (Kertas projek Sarjana Pendidikan tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Harimulyo, Muhammad Syamsi, Benny Prasetya, and Devy Habibi Muhammad. 2021. "Nilai-Nilai Pendidikan Akhlak Dalam Kitab Risalatul Mu'awanah Dan Relevansinya." *Jurnal Penelitian IPTEKS* 6(1): 72–89.
- Iskandar, Aziez. 2017. "Pelaksanaan Pembinaan Akhlak Siswa Di MTs Al-Muhajirin Bandar Lampung."
- James M. Cooper, *Classroom Teaching Skills* (Cengage Learning, 2013).
- Mannuhung, S., & Tenrigau, A. M. (2018). Peran Pendidikan Islam Dalam Mewujudkan Etika Politik. *Jurnal Andi Djemma | Jurnal Pendidikan*, 1(1), 27-35.
- Marlina, L. 2015. Manajemen Sumber Daya Manusia (SDM) dalam Pendidikan, *Istinbath*, 15(17).
- Masduh. 2018. "Professionalisme Guru." *AL-MANBA, Jurnal STAI Al-Ma'arif Buntok* 7(13): 73–91.
- Mujayyanah, Fauziah, Benny Prasetya, and Nur Khosiah. 2021. "Konsep Pendidikan Akhlak Luqmanul Hakim (Kajian Tafsir Al-Misbah Dan Al-Maraghi)." *Jurnal Penelitian IPTEKS* 6(1): 52–61.
- Muliati, D. (2016). *Strategi Peningkatan Mutu Pembelajaran Pendidikan Agama Islam Dalam Membentuk Akhlak Mulia Siswa (Studi Multisitus di MAN 1 Tulungagung dan MAN 3 Tulungagung)* (Skripsi, IAIN Tulungagung).
- Ngalim, A. 2018. "Profesionalisme Guru Pendidikan Agama Islam Dalam Pembentukan Akhlak Siswa SMP Islam Tias Bangun Pubian Lampung Tengah."
- Nugraha, S. 2014. Pembelajaran PAI Berbasis Media Digital. *Ta'lim*, 12(1).
- Prasetya, Benny, Sofyan Rofi, and Bahar Agus Setiawan. 2018. "Penguatan Nilai Ketauhidan Dalam Praksis Pendidikan Islam." *Journal of Islamic Education (JIE) III* (1): 1–15.
- Prasetya, Benny. 2018a. "Dialektika Pendidikan Akhlak Dalam Pandangan Ibnu Miskawaih Dan Al-Gazali." *Intiqad: Jurnal Agama dan Pendidikan Islam* 9950(December): 249–67.
- Sumardi. 2016. Pengembangan Profesionalisme Guru Berbasis MGMP: *Model dan Implementasinya untuk Meningkatkan Kinerja Guru*. Yogyakarta: Deepublish.
- Susandi, Ari. 2019. "Pengajaran Guru Pendidikan Dasar Di Era Millennial Dalam Membentuk Moral Siswa." *Conciencia* 19(2): 85–98.
- Susandi, Ari. 2020. "Pendidikan Life Skills Dalam Penanaman Nilai-Nilai Agama Islam Di Sekolah Dasar." *Al-Insyiroh: Jurnal Studi Keislaman* 6(2): 95–111.
- Syarnubi, Syarnubi. 2019. "Profesionalisme Guru Pendidikan Agama Islam Dalam Membentuk Religiusitas Siswa Kelas Iv Di Sdn 2 Pengarayan." *Tadrib: Jurnal Pendidikan Agama Islam* 5(1): 87–103.
- Undang-undang Republik Indonesia No.20 tentang sistim pendidikan nasional (Bandung: Citra Umbara, 2003, 20. Zakiyah Drajat, *Metodik Khusus Pengajaran Agama Islam* (Jakarta: Bumi Aksara, 1992), 27.